

DBKL tolong tunda kenderaan halang laluan di Pantai Dalam

SAUDARA PENGARANG,

TERIMA kasih Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana telah menjalankan operasi meroboh beberapa gerai haram sekitar Pantai Dalam pada minggu lalu.

Sebagai penduduk di sini, saya amat mengalu-alukan tindakan seperti ini kerana sudah terlalu lama warga asing bermaharajalela dengan berniaga di kawasan yang tidak dibenarkan.

Di sebalik isu ini, kami juga mahu DBKL menjalankan operasi menunda atau menyita kenderaan yang diletakkan sesuka hati, sehingga

menyebabkan berlaku kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak dan ketika orang ramai pulang dari pejabat.

Ramai pemilik kenderaan dengan 'senang hati' meletakkan kenderaan mereka di bahu jalan terutamanya untuk ke kedai runcit, pasar raya atau pun menjamu selera di gerai sekitar kawasan ini.

Kadang-kadang hanya satu laluan sahaja yang boleh dilalui. Sikap mementingkan diri sendiri ini bukan sahaja menyusahkan pengguna lain, tetapi turut menyebabkan kesesakan sehingga ke Jalan Gasing, Petaling Jaya.

Terdapat juga kawasan yang

sepatutnya menjadi laluan dua arah telah menjadi sehalu terutamanya sekitar Masjid Al-Khadijah.

Untuk pengetahuan, saya juga nyaris dilanggar kerana ada pengguna kereta yang beranggapan laluan itu adalah jalan sehalu kerana banyak kereta parkir di bahu jalan.

Justeru, saya merayu pihak DBKL memantau perkara ini, sekiranya terdapat kenderaan yang menghalang laluan, tolong tunda, begitu juga kereta yang tersadai lama, tolong angkut sekali.

WARGANEGERA,
Pantai Dalam, Kuala Lumpur



KEADAAN laluan di Pantai Dalam yang sesak berikutan sikap pemandu yang meletakkan kenderaan mereka di bahu jalan.